

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-15
Hari Minggu Kesedaran Alkitab

DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH

Jangan berpuas hati dengan perkara yang biasa. Bertolaklah ke tempat yang dalam dan tebarkanlah jalamu untuk menangkap ikan.

Sto. Yohanes Paulus II



Bacaan Injil Harian:

Yesaya 55: 10-11

Mazmu 64: 10-14

Roma 8: 18-23

Matius 13: 1-23

Dalam bacaan pertama, nabi Yesaya menyamakan hujan dan salji kepada firman Tuhan. Dengan adanya hujan dan salji yang jatuh ke bumi untuk memberi sumber air dan kelembapan kepada tanah yang amat memerlukannya untuk bertumbuh dan menghasilkan tuaian yang besar, demikian juga firman Tuhan, menurut nabi ini, akan melengkapi tujuannya demi menggenapi kehendak Tuhan.

Mazmur juga telah memberi gambaran alam semulajadi dan ciptaan secara menyeluruh. Tuhan begitu peduli kepada bumiNya dan memberi rahmatNya agar padi dapat tumbuh dan dituai hasilnya. Tuhan jugalah yang menyediakan dan menyuburkan tanah yang menghasilkan tanaman berbuah. Bukit-bukit bersukacita, biri-biri meragut rumput hijau di ladang dan lembah dipenuhi hasil tanaman padi gandum. Alam semulajadi dengan sendirinya mewartakan perbuatan Tuhan yang baik.

Tetapi gambaran ini bukan senantiasa indah. Ciptaan mempunyai batasnya dan tidak mungkin senantiasa berkembang dan memberi hasil. Seperti yang dikatakan Santo Paulus, ciptaan ini juga menunjukkan rintihan. Ia juga menantikan penghapusan kekacauan dan pemulihan yang menyeluruh daripada Tuhan dalam cara yang sama umat Kristus menunggu dengan sabarnya dan yakin akan pengharapan dan pada akhirnya semua itu akan membawakan keselamatan kepada seluruh bangsa manusia.

Inilah sebabnya, kerja mewartakan Khabar Gembira penyelamatan harus diteruskan. Dalam perumpamaannya melalui petikan injil, Yesus sering menggunakan perumpamaan berkaitan dengan alam semula jadi untuk membantu para muridNya memahami kenapa pewartaan kerajaan Tuhan harus diteruskan. Mereka tidak seharusnya berasa kecil hati sekiranya tidak melihat hasilnya tetapi harus sentiasa meneruskan penaburan firman Khabar Gembira. Dalam menabur firman Tuhan, kita harus melakukannya dengan penuh ketabahan dan iman. Benih yang ditabur ke tanah yang subur akan membawakan hasil yang amat banyak.

Semoga kita menjadi penabur firman yang beriman. †

TEMA BULANAN:
**AKU TELAH MENGUTUS
MEREKA KE DUNIA**

MENABUR FIRMAN

Bacaan-bacaan pada Minggu ini penuh dengan imej alam semulajadi. Alam semulajadi secara keseluruhannya bukanlah sesuatu yang pasif tetapi dinamik. Ianya senantiasa berubah. Tak satupun akan kekal sama. Semua yang ada pada alam semulajadi, tidak kira besar atau kecil, kewujudannya mempunyai sebab yang tersendiri, kesemuanya itu saling berkaitan dan melengkapi antara sesama.



Perkataan
mingguan

Kerja pewartaan
Khabar Gembira
penyelamatan harus
diteruskan



GEREJA VISITATION
 85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 E-MEL : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr Xavier Andrew
 Pembantu Paderi Paroki : Fr. Kenneth Gopal

TEMA TAHUN 2020
PERMURIDAN: DIUTUS DENGAN KESEMBERAN
Tema Bulan Julai 2020
Pelayanan / panggilan: Aku telah mereka ke dunia

PEJABAT PAROKI :
 Dibuka Sementara : Isnin -
 Sabtu – 8.30am hingga
 1.30 pm semasa PKPP -
 Covid 19 sehingga
 makluman seterusnya



11 & 12 JULAI 2020 :

Hari Minggu Biasa Yang ke-15 : Is 55, 10-11 Ps 64, 10abcd, 10a-11, 12-13, 14 Rom 8, 18-23 Mt 13, 1-23
“Some Seed Fell Into Good Soil, And Oroduced Its Crop ” (Psalm : 64)

Kepada warga asing dan pemastautin tetap, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, dukacita kami ingi memaklumkan bahawa kamu tidak dibenarkan untuk menghadiri Misa untuk sementara waktu. Maklumat lanjut akan dimaklumkan kemudian. Kami mohon Maaf !

- 1) 19 Julai (Ahad) : 8.00 am (Tamil) ; 11.00 am (Inggeris) -
 Tamil - BECs sahaja, St. Cecilia (Z8), Sts Titus & Angela (Z10), St. Thadeus (Z11), St. Hendry (Z12),
 Sts James /Clement/ Monica (Z13), Sts. Bernadine 1,2,3,4 / John Paul II /
 Bruno 1, 2, 3/ St. Catherine / S2 Heights (Z 16)
 Inggeris - BECs sahaja - Sts. Joseph/Albert/Margaret (Z 1), Sts. Ambrose/Hilary 2/ Fabian/ Joseph of
 Cupertino/ Basil (Z 3), Sts. Mary/Joan/Christopher/George (Z 6),
 Sts. Robert.Stephen/Timothy (Z 7), St. Martha (Z10), Sts. Thadeus/Mathews/Joseph (Z 11)
- 2) 26 Julai (Ahad) : 8.00 am (Tamil) ; 11.00 am (Inggeris) -
 Tamil - BECs sahaja, Sts. Pio / Matthias 1/Matthias 2/ Jude / Joseph (Z -14) ; Sts. Justine / Ireaneaus
 / Joachim (Z-15) ; Sts. Bernatte / Francisca (Marjorie Z-20) : Sts Gabriella / Anastasia
 /Joanna (Gadong Z-18) : Sts. Jecinta / O.L. of Lourdes / Francis / Lucia (Sagga Z-19)
 Inggeris - BECs sahaja - Sts. Claire / Anne / Bernard (Z-8) : Sts. Dominic / Teresa of Calcutta /
 Lorenzon Ruiz / Faustina / Raphael / David (Z-9) : Sts. Francis / Michael (Z -12) : Sts. Pio / Matthias 1/
 Matthias 2 (Z-14) : St. Don Bosco (Z-15) : Sts. Bernadine 2 / John Paul II / Bruno 1 / Bruno 2 / Bruno 3 /
 Arthur / Bernadine 1 / Bernadine 3 / Bernadine 4 / Catherine / S2 Heights (Z -16)

PERHATIAN : a) SEMUA UMAT YANG DATANG MENGHADIRI MISA DIWAJIBKAN UNTUK MEMAKAI PENUTUP HIDUNG DAN MULUT, SILA BAWA PENUTUP HIDUNG DAN MULUT ANDA SENDIRI.
b) SILA BERADA DI DALAM GEREJA 30 MINIT SEBELUM MISA BERMULA, UNTUK PEMERKSAAN PEMATUHAN SOP

Pematuhan kepada SOP (Prosedur Operasi Standard)

- a) Mereka yang menghadiri Misa hendaklah mematuhi arahan/SOP yang diberikan dan memberi kerjasama kepada Pelayan Misa
- b) Setiap Umat yang menghadiri Misa hendaklah membawa bersama Kad Pengenalan diri (I.C)
- c) Mereka yang tidak sihat seperti selesma, sakit tekak, batuk, sukar bernafas tidak dibenarkan untuk menghadiri Misa walaupun nama ada dalam senarai.
- d) Memakai penutup hidung dan mulut, mendaftar, pengambilan suhu, memakan sanitizer sebelum memasuki gereja dan keluar gereja
- e) Kad yang bernombor akan diberikan kepada setiap umat untuk menghadiri Misa, sila jaga kad tersebut dan kembalikan kad di pintu keluar gereja selepas Misa
- f) Tidak ada Pengakuan untuk sementara waktu. Sila ambil maklum.
- g) Sila ambil tempat anda di tempat duduk mengikut arahan yang diberikan
- h) Jangan sentuh, peluk, bersalaman. Penerimaan Komuni dengan menggunakan tangan sahaja
- i) Penggunaan tandas dengan berhemah. Jangan berkumpul didalam tandas. Jaga jarak social.
- j) Anda dikehendaki untuk meninggalkan gereja sebaik sahaja Misa selesai.

PERIKSA TANAH ANDA

Kadangkala kita berfikir kenapa kita tidak dapat melihat diri kita bertumbuh, mengapa kita tidak melihat nikmat dalam hidup kita. Firman hari ini Mt 13:1-23, mengisahkan seorang lelaki yang menyemai benih di dalam tanah, sesetengah bertumbuh menjadi tumbuhan yang mekar, sesetengah gugur dan yang lain menjadi layu. Anda umpama benih: penuh dengan pemberian, bakat dan potensi. Jika anda tanam diri anda dengan tanah yang tidak subur, berkawan dengan orang yang suka bergosip, menjatuhkan anda, berpemikiran sempit dan negatif, pertumbuhan diri anda akan terbantut. PERIKSA TANAH ANDA!. Atau impian anda, visi anda dan perwatakan anda berkurang dan layu. Benih anda adalah penuh dengan potensi. Carilah kehebatan diri anda di dalam Kemuliaan Tuhan.

Berdoa dan Damai Selalu ! Frs. Xave dan Kenneth.

Sumbangan yang diterima dari 18 Mac - 5 Julai 2020 (Semasa PKP)

	Sumbangan paroki	Ruang Adorasi	Bank Makanan PIHDM
Jumlah Kumulatif	RM41,756.00	RM16,538.00	RM8,225.00

Terima Kasih Diatas Sumbangan anda. Semoga Tuhan Memberkati anda!

SUMBANGAN/PERSEMBAHAN

Kepada sesiapa yang ingin memberi sumbangan seperti berikut:

1. Sumbangan Kewangan Paroki
2. Ubahsuai ruang Adorasi
3. Persembahan Misa
4. Bank makanan PIDM

Kami menyeru anda untuk menggunakan perbankan secara atas talian. Maklumat akaun bank Paroki Gereja adalah seperti dibawah:

- (a) Bank : Public Bank Berhad
- (b) Penama Akaun Bank : Church of Visitation
- (c) No. akaun : 3121194612

Sila nyatakan maklumat dengan betul dalam perbankan atas talian seperti berikut untuk dijadikan rujukan paroki :

1. Jumlah
2. Tujuan (mana - mana berikut.)
 - a. Sumbangan kewangan Paroki
 - b. Pemohonan Doa (nama) - (RIP, Kesayukuran atau Permohonan Khas)
 - c. Ubahsuai ruang Adorasi
 - d. Bank Makanan PIDM

Untuk maklumat lanjut sila hubungi : John Davidson (010-6158961) or Bernadette (012-2715840)

Sila emelkan slip transaksi kepada emel Paroki serembanvisitation@gmail.com untuk rujukan Paroki

Berdoa untuk jiwa yang telah pergi:

- a) Anthony Pragasam (d.o.d : 05/07/20)
- b) Thomas Ng Chee Wah (d.o.d : 08/07/2020)